



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat

Nota (22)

Oleh: MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

Penyelewengan Tafsir Al-Qur'an Di Kalangan Umat Islam Moden

Di zaman kita sekarang yang dikenali dengan zaman moden, tidak kurang juga berlaku penyelewengan al-Qur'an. Meskipun ia tidaklah sehebat zaman dahulu, tetapi tidak kurang juga bahayanya kepada umat. Oleh itu perlu juga diketahui sedikit sebanyak tentangnya.

Orang-orang yang terlibat dalam penyelewengan al-Qur'an di zaman ini mungkin disebut dengan nama-nama yang tidak pernah diketahui sejarawan Islam terdahulu, namun jika diteliti dengan saksama, niscaya dapat dikatakan bahawa mereka tetap mempunyai perkaitan daripada segi sikap dan cara berfikirnya dengan kelompok-kelompok terpesong yang pernah berlalu dalam sejarah. Cuma namanya sahaja yang berbeza.

Golongan naturalis, rasionalis dan modenis totok di zaman moden ini pada hakikatnya adalah golongan Mu'tazilah. Golongan Pluralis dan liberalis pula pada hakikat adalah golongan Murji'ah versi baharu. Walaupun pada beberapa sudut pemikiran mereka ada perbezaan, tetapi kerangka kasarnya tetap sama.

Walaupun golongan-golongan tersebut tidak pernah diketahui menghasilkan tafsir al-Qur'an yang lengkap dan dapat dijadikan sebagai rujukan, namun di sana sini ada tersebar juga aliran pemikiran itu atas nama tafsir al-Qur'an. Ia sebenarnya hanya melibatkan tafsiran beberapa ayat al-Qur'an sahaja.

Tafsiran Sir Syed Ahmad Khan (m.1315H bersamaan 1898M) yang boleh dianggap sebagai mewakili tafsiran golongan naturalis, rasionalis dan liberalis sebagai contohnya, terkandung di dalam "Tafsir al-Qur'an"nya yang juga dikenali dengan nama Tafsir Ahmadi. Tetapi ia adalah sebuah kitab tafsir yang tidak lengkap. Setelah dicetak tafsir itu diboikot oleh umat Islam di benua kecil India. Kerana itulah nuskahnya yang bercetak sukar sekali ditemui. Tidak ada pencetak yang berani dan bersedia mencetaknya. Selain itu, ia ditulis dalam bahasa Urdu. Oleh kerana kebanyakan umat Islam tidak mengerti bahasa itu, maka pemikirannya tidak tersebar dengan agak meluas.

Tafsir al-Qur'an hasil tulisan golongan ini dalam bahasa 'Arab juga tidak ada yang lengkap. Dr. Muhammad Husain az-Zahabi hanya dapat mengemukakan satu sahaja

contoh tafsir mereka. Ia bernama “Al-Hidayah Wa al-‘Irfaan Fi Tafsir al-Qur’an Bi al-Qur’an”, hasil tulisan Muhammad Abu Zaid (lahir pada tahun 1309H). Ia adalah sebuah kitab tafsir yang sangat ringkas dan tidak sempurna (diterbitkan pada tahun 1348H bersamaan 1931M). Walaupun begitu, tafsir tersebut telah mendapat tentangan yang hebat daripada sekian ramai ‘ulama’ ‘Arab, khususnya ‘ulama’ al-Azhar. Al-Azhar bahkan telah membentuk satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kekarutan dan kecelaruan di dalamnya, dan kemudian mengkritiknya. Akibat daripada tindakan itu kitab tersebut juga dipulau oleh umat Islam ‘Arab. Ia langsung tidak mendapat tempat dalam dunia tafsir yang diterima umat. Nasibnya juga sama seperti nasib Tafsir Ahmadi oleh Sir Syed Ahmad Khan di India. Tiada pencetak yang sudi mencetaknya.

Nasib yang diterima oleh tafsir-tafsir yang menyeleweng seperti itu sebenarnya merupakan salah satu mu’jizat al-Qur’an. Di mana tidak ada satu pun daripadanya yang dapat bertahan lama. Semuanya ditelan zaman. Dan dengan itu terpeliharalah al-Qur’an daripada segala pemesongan dan penyelewengan dalam apa bentuk sekali pun.

Beberapa Contoh Penyelewengan Tafsir Di Zaman Moden

(a) Penyelewengan oleh golongan naturalis, rasionalis dan liberalis:

(1) Sir Syed Ahmad Khan dan orang-orang yang sependapat dengannya sama seperti golongan Mu’tazilah di zaman dahulu, tidak menerima mu’jizat para nabi dan rasul. Semua ayat-ayat yang menyatakan mu’jizat para nabi akan dita’wil mereka. Sir Syed Ahmad Khan misalnya menta’wilkan firman Allah yang memerintahkan Nabi Musa a.s. supaya memukul laut dengan tongkatnya, tidak kerana lain melainkan supaya ia tidak dianggap sebagai mu’jizat Musa a.s. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

فَوَحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ ۖ فَانْفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالظَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Lalu Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa: “Pukullah laut itu dengan tongkatmu.” (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar. (asy-Syu’araa’:63).

Tongkat adalah satu daripada sembilan mu'jizat yang dikurniakan oleh Allah kepada Musa a.s. Salah satu tempat di mana terbukti tongkat Musa sebagai mu'jizatnya ialah apabila Allah memerintahkan Baginda supaya memukul laut dengannya. Itulah yang digambarkan oleh Allah di dalam ayat ke-63 Surah Asy-Syu'araa' di atas. Di dalam Surah Thaha juga terdapat firman Allah yang menggambarkan peristiwa yang sama. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِي فَاصْرُبْ لَهُمْ طَرِيقًا فِي الْبَحْرِ يَبَسًا لَا تَخَفُ دَرَكًا وَلَا تُخْشَىٰ ۚ

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya! Kami telah wahyukan kepada Musa: Pergilah engkau dengan membawa hamba-hambaKu (kaummu) keluar pada waktu malam, kemudian sediakanlah untuk mereka jalan yang kering di laut itu; janganlah engkau bimbang daripada ditangkap oleh musuh dan jangan pula engkau takut (tenggelam). (Thaha:77).

Kedua-dua firman Allah di atas jelas menunjukkan laut telah benar-benar terbelah setelah ia dipukul oleh Nabi Musa a.s. dengan tongkatnya. Ia betul-betul telah menjadi kering sebagai jalan untuk mereka melarikan diri daripada Fir'aun dan bala tenteranya yang mengejar mereka dari belakang.

Tetapi Sir Syed Ahmad Khan pula mentafsirkannya dengan mengatakan:

اپنی لائھی کے سہارے سمندر میں چل وہ پھٹا ہوا یا کھلا ہوا ہے، یعنی پایاب ہو رہا ہے۔

Maksudnya: "Pergilah ke laut itu dengan membawa tongkatmu. Ia telah pecah atau terbuka. Maksudnya ialah airnya sedang surut." (Tafsir Ahmadi m/s 152).

Menurut Sir Syed Ahmad Khan, tidak ada apa pun perkara ajaib dan luar biasa telah berlaku dalam peristiwa itu. Laut tidak terbelah kerana dipukul Musa dengan tongkatnya. Tidak ada apa-apa mu'jizat telah berlaku, sebaliknya apa yang berlaku ialah pada ketika itu air laut surut. Maka dapatlah Musa dan pengikut-pengikutnya menyeberangi laut. Setelah mereka semua telah naik di seberang sana laut, sampailah Fir'aun dan bala tenteranya. Tepat pada ketika mereka sedang berada di dalam laut yang surut airnya, tiba-tiba saja air pasang berlaku. Itulah yang menyebabkan Fir'aun dan bala tenteranya tenggelam dan mati lemas.

Paling tinggi pun bolehlah dikatakan Nabi Musa a.s. sebenarnya adalah seorang yang hebat dalam ilmu falak dan hai'at. Baginda telah mengetahui berdasarkan ilmunya bahawa pada waktu-waktu tertentu untuk beberapa ketika air laut menjadi surut. Dan pada ketika-ketika tertentu pula air pasang berlaku. Apa yang dilakukan oleh Baginda a.s. ialah membawa para pengikutnya menyeberangi laut tepat pada ketika air surut. Dan dalam jangka masa tertentu pula ia akan pasang. Seolah-olahnya Nabi Musa a.s. dengan bertindak begitu selain menyelamatkan diri dan pengikut-pengikutnya, Baginda juga sebenarnya memerangkap Fir'aun dan bala tenteranya dengan air pasang yang secara naturalnya akan berlaku beberapa ketika selepas selesainya fenomena air surut.

Bagi Sir Syed Ahmad Khan, segala-galanya telah berlaku secara natural. Ia sama sekali bukan sebagai mu'jizat. Kerana itulah Sir Syed Ahmad Khan dan orang-orang yang berpendapat demikian dipanggil sebagai golongan naturalis.

Tafsiran yang dibuat oleh Sir Syed Ahmad Khan itu sesungguhnya telah terpesong jauh daripada kehendak firman Allah yang sebenarnya. Tafsirannya melanggar terus qaedah bahasa 'Arab yang sepatutnya dipatuhi. Bagaimana boleh beliau mentafsirkan firman Allah: أَنْ اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ dengan "Pergilah ke laut itu dengan membawa tongkatmu"? Padahal siapa pun yang mengerti bahasa 'Arab tidak akan menterjemahkan اضْرِبْ di situ dengan erti pergilah. Soalannya ialah kenapakah seorang cendikiawan seperti Sir Syed Ahmad Khan menterjemahkan begitu pula? Jawabnya ialah kerana perkataan ضَرْبْ di dalam bahasa 'Arab adakalanya dipakai dengan erti pergi atau berjalan. Perkataan بْ pada بِعَصَاكَ pula dipakainya sebagai بْ yang memberi ma'na تَعْدِيَة. Ia tidak dipakai beliau sebagai بْ yang memberi erti اسْتِعَانَة. Itulah ta'wilannya.

Apakah maksudnya di sebalik ta'wilan itu? Jawabnya ialah supaya tidak kelihatan tongkat Musa itu sebagai mu'jizatnya. Sedangkan ia bercanggah dengan tafsiran yang disepakati para 'ulama' dari zaman Salaf hingga ke zaman kita sekarang. Semua orang lain menterjemahkan firman Allah itu dengan: "Pukullah laut itu dengan tongkatmu." Anda mungkin tertanya-tanya, kenapa pula semua orang menterjemahkan begitu? Tak bolehkah mereka menerima terjemahan yang dikemukakan oleh Sir Syed Ahmad Khan itu? Apa salahnya kalau kita bertolak ansur dengannya?!

Jawabnya ialah memang benar perkataan ضرب di dalam bahasa `Arab adakalanya dipakai dengan erti pergi atau berjalan. Tetapi ia dipakai dengan erti itu apabila ada selepasnya perkataan فى. Allah sendiri menggunakan perkataan tersebut dengan فى selepasnya pada enam tempat di dalam al-Qur'an. Sebagai contohnya lihat saja tiga firman Allah di bawah ini:

(1) Allah berfirman di dalam Surah an-Nisaa':

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا ضَرَبْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَتَبَيَّنُوا

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) di jalan Allah, maka telitilah ... (an-Nisaa':94).

(2) Di dalam Surah an-Nisaa' juga Allah berfirman:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُبِينًا ﴿١٣٦﴾

Bermaksud: Dan apabila kamu bepergian di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu men-qashar sembahyang(mu), jika kamu takut diserang orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang nyata bagimu. (an-Nisaa':101).

(3) Allah berfirman di dalam Surah al-Baqarah:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ

Bermaksud: (Berinfaqlah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat mengembara di bumi (untuk berniaga dan sebagainya); ... (al-Baqarah:273).

Di dalam ketiga-tiga firman Allah di atas terbukti perkataan ضرب dipakai dengan erti pergi, berjalan dan sebagainya. Ini kerana selepasnya ada perkataan فى. Adapun dalam keadaan tidak ada فى selepasnya, maka tidaklah ia boleh dipakai dengan erti-erti itu. Perkataan ضرب sahaja pada asalnya dan pada kebiasaannya memberi erti pukul. Jika dilihat kepada firman Allah di dalam ayat ke-63 Surah asy-Syu'araa' yang

dikemukakan tadi, selepas perkataan ضرب tidak ada perkataan فى, maka sepatutnya tidak bolehlah ia dipakai dengan erti pergi atau berjalan dan sebagainya. Malah ia semestinya dipakai dengan erti pukul. Itulah sebabnya umat sejak zaman Sahabat hingga sekarang memakai perkataan ضرب di situ dengan erti pukul.

Sir Syed Ahmad Khan dalam mempertahankan pendapatnya mengatakan, walaupun tidak ada perkataan فى di situ, ia tetap boleh ditaqdirkan. Kerananya perkataan ضرب di situ tetap boleh dipakai dengan erti pergi.

Dalam menolak tafsiran Sir Syed Ahmad Khan itu para 'ulama' kita juga telah mengemukakan beberapa hujah lain. Antaranya ialah perkataan ف pada فانطلق itu semestinya ditentukan sebagai ف apa? Bagi jumhur mufassirin, ف itu adalah فاء الفصيحة. Kalau mengikut tafsiran Sir Syed Ahmad Khan, ف itu tidak jelas telah dipakai oleh beliau sebagai ف apa. Mari sekali lagi kita lihat bagaimana beliau menterjemahkannya: "Pergilah ke laut itu dengan membawa tongkatmu. Ia telah terbuka. Maksudnya ialah airnya sedang surut." (Tafsir Ahmadi m/s 152).

Jelas sekali ma'na ف diabaikan terus dalam terjemahan itu. Lihatlah bahagian yang bergaris pada terjemahan yang diberikan di atas. Ia seolah-olahnya menterjemahkan perkataan انفلق semata-mata tanpa ف. Padahal tentu sekali tidak sia-sia Allah meletakkan perkataan itu di permulaan perkataan انفلق. Cuba lihat pula bagaimana terjemahan yang penulis kemukakan bagi ayat berkenaan:

"Lalu Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa: "Pukullah laut itu dengan tongkatmu." (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar."

Air laut tidak terbelah dengan semata-mata Allah memerintah Musa supaya memukulnya, malah ia terbelah setelah dipukul oleh Musa yang menurut perintah Allah. Setelah dipukul oleh Musa, barulah ia terbelah. Ini menunjukkan keadaan terbelah itu berlaku atau terhasil daripada pukulan Musa yang menurut perintah Allah. Itulah erti yang ditunjuki perkataan فاء الفصيحة. Ini kerana فاء الفصيحة itu pada hakikatnya adalah فاء yang athaf kepada sesuatu yang ditaqdirkan على وتسمى الفاء العاطفة على (مقدر فاء الفصيحة). Dan ia bertindak menjelaskan kesan daripada apa yang ditaqdirkan. Dalam konteks firman Allah dalam ayat ke-63 Surah asy-Syu'araa' berkenaan, setelah Allah berfirman:

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ

Sebenarnya terdapat satu fi'il yang mahzuf dan ditaqdirkan selepasnya. Ia ditaqdirkan sebelum perkataan فانفلق. Fi'il yang ditaqdirkan itu ialah فضرِب, lalu menyusul selepasnya perkataan فانفلق. Jika dii'raab, maka dikatakan begini:

فضرِب – الفاء عاطفة. ضرب معطوف على أوحينا. فانفلق. الفاء فاء الفصيحة وهي عاطفة على ضرب المحذوف المقدر.

Soalnya kenapakah فضرِب dibuang dan ditaqdirkan saja di dalam ayat itu? Jawabnya ialah kerana menurut satu qaedah yang lain pula, iaitu: تختص الفاء والواو بجواز حذفهما مع: (antara khususiah fa' dan wau ialah kedua-duanya harus dibuang bersama ma'thufnya dalam keadaan ada dalil). (Lihat Ibnu Hisyam - Audhahu al-Masalik Ila Alfiyyah Ibni Malik j.3 m/s 358).

Tafsiran Sir Syed Ahmad Khan itu menyalahi qaedah kerana terbelahnya laut itu merupakan hasil atau kesan daripada pukulan tongkat yang dikurniakan kepada Musa a.s. sebagai mu'jizatnya. Ia bukan hasil atau kesan daripada semata-mata perginya Musa ke tepi laut!

Menurut tafsiran Sir Syed Ahmad Khan, Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya dapat menyeberangi laut Qulzum (laut merah) kerana kebetulan pada ketika mereka sampai ke tepi laut, tiba-tiba berlaku fenomena air surut. Dan ketika Fir'aun dan bala tenteranya melalui laut itu pula, tiba-tiba berlaku pula fenomena air pasang. Itu tidak lebih daripada tekaan dan andaian semata-mata. Sedangkan menurut tafsiran kesemua mufasssiriin yang lain pula fenomena pasang surut air itu tidak ada berlaku sama sekali. Kerana ayat yang sama menjelaskan bahawa setelah Musa memukul laut, “maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar”. Apa ertinya “menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar”, kalau pada ketika itu berlaku fenomena air surut?! Pada ketika air surut, andaikan saja tiap-tiap bahagian yang terbelah itu membeku sekali pun, namun ia tidak akan meninggi seperti gunung yang besar. Berbeda keadaannya kalau tidak diandaikan air laut surut. Kerana keadaan air laut yang besar, apabila terbelah dan membeku, tentu sekali akan menjadi seperti gunung yang besar. Itu adalah suatu yang masuk akal.

Selain itu firman Allah di dalam ayat ke-77 Surah Thaha juga menolak teori Sir Syed Ahmad Khan itu. Kerana Allah dengan terang menyebutkan jalan yang kering di laut. Pada ketika air surut laut tetap tidak kering, cuma airnya sahaja berkurang dan menjadi cetek. Dan kalau diandaikan betul-betul kering pula, maka apakah ertinya Allah berfirman di akhir ayat itu bahawa “jangan pula engkau takut (tenggelam)”. Bagaimana orang akan takut tenggelam kalau-kawasan di sekelilingnya semuanya kering? Berbeda kedaaannya kalau anda mengatakan yang kering ialah sebahagian daripada laut yang terbelah setelah dipukul oleh Nabi Musa a.s. dengan tongkatnya. Itulah yang menjadi jalan yang dilalui mereka di dalam laut. Sementara di kiri kanan mereka air laut membeku dan ia terangkat tinggi seperti gunung yang besar.

Firman Allah di dalam ayat ke-50 Surah al-Baqarah juga menyokong terbelahnya laut untuk Bani Israil, terselamatnya mereka dan tenggelamnya Fir'aun bersama bala tenteranya itu merupakan salah satu ni'mat Allah untuk mereka melalui mu'jizat yang dikurniakanNya kepada Musa. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Fir'aun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Fir'aun bersama-sama bala tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya. (al-Baqarah:50).

Apalah yang istimewa sangat fenomena pasang surut air laut itu kepada Bani Israil, sehingga ia perlu diungkit sebegitu rupa oleh Allah! Kerana bukankah ia hanya satu fenomena biasa sahaja? Tiada siapa pun terkecuali untuk mendapatkannya, termasuk Fir'aun dan bala tenteranya sekalipun. Mereka juga tentu sekali mengetahui tentang fenomena itu. Tidak masuk akal kalau dikatakan tiada seorang pun di kalangan mereka mengetahui tentang waktu pasang dan surut air laut yang berada di bawah kekuasaan mereka!!

Dengan mentafsirkan begitu barulah bersesuaian kesemua firman Allah s.w.t. dan barulah tidak berlaku pecanggahan dengan qaedah bahasa 'Arab seperti telah disebutkan sebelum ini.

(2) Muhammad Abu Zaid juga sama seperti Sir Syed Ahmad Khan. Dia juga tidak menerima adanya mu'jizat para rasul a.s. Semua ayat al-Qur'an yang menunjukkan

mu'jizat mana-mana rasul dita'wilnya supaya tidak kelihatan sebagai mu'jizat. Ini kerana baginya, tidak mungkin al-Qur'an mengandungi sesuatu yang bercanggah dengan nature atau sunnatullah di alam semesta ini. Segala-galanya di alam ini berlaku secara natural. Sama ada kepada seorang biasa atau kepada seorang rasul. Dia juga seperti Sir Syed Ahmad Khan memakai perkataan اضرب pada firman Allah di dalam Surah asy-Syu'araa': اضرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ dengan ma'na "pergi dan berjalanlah ke laut". Dalam menta'wilkan ayat-ayat mu'jizat, dia tidak peduli sama ada ta'wilannya itu bercanggah dengan hadits, qaedah bahasa 'Arab atau bercanggah dengan akal sekalipun.

Amat melucukan, kerana golongan yang dipanggil sebagai rasionalis itu rupa-rupanya banyak sekali melakukan perkara-perkara yang tidak rasional!!

Tafsirnya yang bernama "Al-Hidayah Wa al-'Irfaan Fi Tafsir al-Qur'an Bi al-Qur'an" seolah-olahnya ditulis untuk menta'wilkan ayat-ayat tentang mu'jizat para nabi dan rasul, kerana tidak ada satu pun ayat mu'jizat melainkan dita'wilnya, walaupun dengan ta'wilan-ta'wilan yang jauh dan lemah sekali. Selain itu banyak lagi penyelewengan dan pemesongan yang telah dilakukan Muhammad Abu Zaid di dalam tafsir tersebut.

Penulis akan mengemukakan beberapa sahaja daripadanya sebagai contoh.

Ketika mentafsirkan firman Allah di bawah ini:

قَالَ يَتَأْتِيهَا الْمَلَكُ أَتِيكُمْ يَأْتِي بِعَرْشِهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٥٠﴾ قَالَ عِفْرِيتٌ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا ءَاتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُومَ مِن مَّقَامِكَ وَإِنِّي عَلَيْهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٌ ﴿٥١﴾ قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا ءَاتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ فَلَمَّا رَءَاهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِن فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَن كَفَرَ فَلِإِنِّي رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: Berkata Sulaiman: "Hai pembesar-pembesar, siapakah di antara kamu sekalian yang sanggup membawa singgasananya kepadaku sebelum mereka datang kepadaku sebagai orang-orang yang berserah diri?". (38)

Berkata 'Ifrit dari golongan jin: "Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu dan sesungguhnya aku amatlah kuat untuk membawanya, lagi amanah". (39)

Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: "Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata! Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah ia: "Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan ni'mat pemberianNya dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah. (40).

Ayat-ayat di atas jelas menyatakan salah satu mu'jizat kurniaan Allah kepada Nabi Sulaiman a.s. Tetapi lihat bagaimana Muhammad Abu Zaid menta'wilkan firman Allah itu di dalam tafsirnya. Kata beliau:

"Maksud **بعرشها** (singgahsananya) ialah **بملكها** (kerajaannya). Tujuan Baginda (Sulaiman a.s. berkata begitu) ialah untuk membuat perancangan dan strategi perang terhadap negara-negara yang akan dimasuki dan diserangnya. Kerana itu Baginda meminta peta yang ada di dalamnya kerajaan Saba', dengan tujuan kemudiannya peta negara-negara yang akan diserangnya ditunjukkan kepada pihak kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Mesejnya ialah Baginda memang serius, tidak berolok-olok dalam menyerang negara-negara mereka .

Maksud **عفريت من الجن** ialah salah seorang panglima Baginda a.s. Kata-kata panglima itu jelas menunjukkan ia tidak faham bahawa misi Baginda a.s. itu melibatkan sains dan geografi. Dan ia memerlukan **الذي عنده علم** (orang yang pakar dalam bidang itu). Maksud **من الكتاب** ialah pengetahuan tentang tulis menulis, melukis dan merancang. Maksud **أن يرد إليك طرفك** ialah ia dapat membawanya terus. Memang pun ia terus mengemukakannya. Mungkin juga ia terus melukis peta yang dikehendaki. Atau mungkin juga peta itu memang sudah sedia ada padanya. Kalaulah fotografi sudah wujud pada ketika itu, maka bolehlah dikatakan ia terus membawa fotograf negara-negara berkenaan.

Akhirnya Nabi Sulaiman bersyukur kepada Allah kerana di dalam negaranya ada cendekiawan-cendekiawan dan orang-orang yang pakar dalam segala bidang.” (Lihat Al-Hidayah Wa al-‘Irfaan Fi Tafsir al-Qur’an Bi al-Qur’an m/s 298-299).

Lihatlah betapa dahsyatnya pemesongan yang telah dilakukan oleh Muhammad Abu Zaid terhadap ayat-ayat di atas. Dia telah memesongkan perkataan ‘arasy daripada ma’na sebenarnya iaitu singgahsana kepada suatu ma’na lain yang langsung tidak ditunjuki perkataan itu. Ma’na yang diberikan untuk perkataan ‘arasy olehnya ialah kerajaan Balqis, tetapi bukan kerajaan Balqis yang betul-betul dikehendaki Nabi Sulaiman a.s. Sebaliknya yang dikehendaki oleh Baginda ialah peta kerajaan Saba’. Perkataan عَفْرِيتٌ مِنَ الْجِنِّ bukan lagi bererti ‘Ifrit dari golongan jin. Tetapi ia bererti salah seorang panglima Baginda a.s. dari puak atau qabilah yang dinamakan “Jin”. Rupa-rupanya jin di situ baginya nama bagi satu qabilah manusia!

Pengarang tafsir itu langsung tidak mempedulikan siyaq (ayat selepas) dan sibaq (ayat sebelum) bagi ayat yang ditafsirkan. Dia juga tidak mempedulikan bahasa ‘Arab al-Qur’an atau bahasa ‘Arab umumnya. Adakah di dalam bahasa ‘Arab mana sekalipun perkataan ‘arasy itu dipakai dengan erti peta sesebuah negeri atau negara? Kalau begitu apa pula erti firman Allah di dalam ayat seterusnya? Sila lihat ayat seterusnya di bawah ini:

قَالَ نَكِّرُوا لَهَا عَرْشَهَا نَنْظُرْ أَتَهْتَدِي أَمْ تَكُونُ مِنَ الَّذِينَ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Nabi Sulaiman berkata pula: “Ubahlah (sedikit bentuk) singgasananya; nanti kita tengok apakah dia mengenali atau dia termasuk orang-orang yang tidak mengenali(nya).” (an-Naml:41).

Untuk apa Nabi Sulaiman menyuruh pembesar dan kakitangan kerajaannya mengubah peta yang telah dibuat dengan elok oleh seorang yang pakar di kalangan mereka? Bukankan menurut pengarang tafsir itu, peta tersebut sengaja dibuat untuk dihantar kepada kepala-kepala negara yang akan diserang oleh Nabi Sulaiman? Bagaimana Balqis akan mengetahui negaranya yang hendak diserang oleh Sulaiman kalau peta negaranya sudah diubah? Padahal pegarang tafsir itu telah berkata sebelum itu bahawa tujuan peta-peta dihantar ialah untuk menyatakan Nabi Sulaiman merangkap seorang raja benar-benar serius dan tidak berolok-olok dalam melaksanakan

maksudnya menyerang negara-negara berkenaan? Bukankan dengan mengubah peta negara yang diperintah Balqis menampakkan Nabi Sulaiman tidak serius dan Baginda hanya berolok-olok dan bergurau sahaja dengannya?!

Dan kalaulah perkataan 'arasy di dalam ayat di atas sememangnya bererti peta yang dihantar kepada ketua-ketua negara yang akan diserang, kenapakah di dalam ayat seterusnya Allah berfirman begini pula?:

فَلَمَّا جَاءَتْ قِيلَ أَهَكَذَا عَرْشُكَ قَالَتْ كَأَنَّهُ هُوَ وَأُوتِينَا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهَا وَكُنَّا مُسْلِمِينَ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Setelah dia (Ratu Balqis) datang, ditanyakanlah kepadanya: “Serupa inikah singgasanamu?” Dia menjawab: “Seakan-akan singgasana ini singgasanaku. Kami telah diberi pengetahuan sebelumnya dan kami adalah orang-orang yang berserah diri.” (an-Naml:42).

Kenapa pula peta baru diberikan kepada Balqis setelah ia datang? Pertanyaan “Serupa inikah singgasanamu?” akan bertukar menjadi “Serupa inikah peta negaramu?”. Pertanyaan seperti itu kepada Balqis sama sekali tidak akan mengagumkannya, sebaliknya menampakkan kelemahan Nabi Sulaiman dan pegawai-pegawai kerajaannya yang tidak tahu membuat peta! Kerana peta telah diubah daripada bentuk sebenarnya!!

Lihatlah juga bagaimana عَفْرِيت yang merupakan sejenis makhluk jin dita'wil dengan salah seorang panglima dan jin pula dipakai dengan erti satu qabilah manusia. Ini semua dilakukan kerana pengarang tafsir itu seperti Sir Syed Ahmad Khan juga sebenarnya tidak percaya kepada kewujudan makhluk halus seperti jin dan malaikat.

Aduh, sungguh melucukan! Kerana tidak mahu menerima adanya mu'jizat para nabi dan rasul sampai begitu sekali boleh hilang kewarasan manusia!!

(3) Bukan sahaja mu'jizat Nabi Sulaiman a.s. yang dinafikan dan dita'wil oleh pengarang tafsir Al-Hidayah Wa al-'Irfaan, mu'jizat ayahandanya iaitu Nabi Daud a.s. juga dinafi dan dita'wilnya. Walaupun ta'wilannya bercanggah dengan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. bahasa 'Arab dan akal yang waras, bahkan walaupun bercanggah dengan al-Qur'an al-Karim sendiri!

Lihat sebagai contohnya mu'jizat Nabi Daud yang tersebut di dalam firman Allah di bawah ini:

وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٦٧﴾

Bermaksud: dan telah Kami tundukkan gunung-gunung dan burung-burung, semua bertasbih bersama Daud. Dan kamilah yang melakukannya. (al-Anbiyaa':79).

Ayat ini menyatakan salah satu daripada kurniaan Allah berupa mu'jizat kepada Nabi Daud a.s. ialah gunung-ganang dan unggas turut bertasbih bersamanya.

Muhammad Abu Zaid pula menta'wil ma'na tasbih yang tersebut di dalam ayat di atas dengan katanya: "Ia bererti gunung-gunung mengeluarkan logam-logam yang ada di dalamnya untuk kemudahan Daud membuat senjata dan peralatan perang." (Al-Hidayah Wa al-'Irfaan m/s 257).

Perkataan الطير di dalam ayat itu yang menurut bahasa 'Arab bererti burung-burung dita'wilnya dengan berkata; "Perkataan الطير digunakan untuk yang bersayap dan setiap yang laju perjalanannya, sama ada berupa kuda, kereta api atau kapal terbang." (ibid m/s 257).

Soalnya ialah kenapa pengarang tafsir itu begitu beria-ia menta'wil ma'na tasbih haqiqi (sebenar) kepada ma'na lain yang langsung tidak ada qarinah (bukti) yang memalingkannya daripada ma'na sebenarnya kepada ma'na-ma'na lain? Jawapannya mudah saja, kerana pengarangnya tidak menerima konsep mu'jizat para nabi dan rasul. Kalau terdapat di dalam mana-mana ayat sesuatu yang menunjukkan keajaiban mereka, cepat-cepatlah dia berusaha menyembunyikannya daripada pandangan orang ramai.

Kalaulah ma'na tasbih gunung-gunung di dalam ayat itu betul-betul seperti yang dikatakan oleh pengarang tafsir tersebut, maka apakah keistimewaan Nabi Daud sehingga ia disebut oleh Allah sebagai kurniaanNya? Bukankah sekalian manusia dari dahulu hingga ke hari ini mengeluarkan pelbagai logam daripada perut bumi termasuk daripada gunung-gunung? Apa yang peliknya kalau Nabi Daud juga seperti orang-orang lain mengeluarkan logam daripada gunung-gunung atau daripada perut bumi?

Kalau dikatakan pula apa yang berlaku kepada Nabi Daud berbeza sekali daripada apa yang berlaku kepada orang-orang lain, kerana gunung-gunung atau perut bumi sendiri yang mengeluarkan logam-logam untuk kemudahannya. Adapun orang-orang lain, maka mereka perlu berusaha keras untuk mengeluarkannya!

Ya, jika diterima begitu pun, tidakkah itu sudah merupakan suatu keajaiban juga? Ia sebenarnya tidak kurang daripada mujizat tasbih sebenar oleh gunung-gunung yang cuba dinafikan oleh pengarangnya!

Dan apa tujuannya memalingkan ma`na الطير yang sebenar kepada ma`na-ma`na yang lain? Apakah yang bersayap dan setiap yang laju perjalanannya seperti kuda, kereta api atau kapal terbang juga turut bertasbih bersama Nabi Daud? Tidak dapat dipastikan maksudnya menyebutkan semua yang tersebut di bawah perkataan الطير (burung-burung)? Apakah di zaman Nabi Daud sudah ada kereta api dan kapal terbang menurut pengarang tafsir tersebut?

Sedangkan menurut ahli tafsir Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama`ah dari dahulu hingga sekarang, perkataan tasbih di dalam ayat itu sememangnya digunakan dalam ma`na sebenarnya atau ma`na haqiqinya. Cuma kita manusia saja yang tidak faham dan tidak mengerti cara dan kaifiat tasbih makhluk yang lain termasuk gunung-gunung dan burung-burung itu. Adapun pada hakikatnya, maka semuanya bertasbih. Itulah yang seharusnya diterima oleh orang Islam. Sebabnya ialah al-Qur'an sendiri di tempat yang lain menyebutkan begitu. Lihat firman Allah ini:

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ

حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾

Maksudnya: Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah. Dan tidak ada suatu apa pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu sekalian tidak mengerti tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun. (al-Israa':44).

Firman Allah di dalam ayat ke-79 Surah al-Anbiyaa' itu bukanlah suatu yang asing sebagai mu`jizat daripada Allah kepada Nabi Daud. Allah juga telah menyatakan perkara yang sama pada dua tempat yang lain lagi di dalam al-Qur'an. Jika

Muhammad Abu Zaid betul-betul ikhlas mahu mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an, maka dia sepatutnya tidak mengabaikan semua ayat-ayat ini. Lihat firman Allah yang dimaksudkan itu di bawah ini:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا يٰجِبَالُ اَوْبِيْ مَعُدَّ وَالطَّيْرُ وَاَنَّا لَهُ الْخٰدِعِد ۝

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah berikan kepada Daud kurnia dari Kami. (Kami berfirman): “Hai gunung-gunung dan burung-burung, bertasbihlah berulang-ulang bersama Daud”, dan Kami telah melembutkan besi untuknya. (Saba':10)..

اَضْبِرْ عَلٰٓى مَا يَقُوْلُوْنَ وَاذْكُرْ عَبْدَنَا دَاوُدَ ذَا الْاَيْدِ اِنَّهٗ اَوَابٌ ۝ اِنَّا سَخَرْنَا الْجِبَالَ مَعَهُ يُسَبِّحْنَ بِالْعَشِيِّ وَالْاِشْرَاقِ ۝

وَالطَّيْرُ مَحْشُوْرَةً كُلٌّ لَّهٗ اَوَابٌ ۝

Maksudnya: Bersabarlah (wahai Muhammad) atas segala apa yang mereka katakan; dan ingatlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan; sesungguhnya dia amat ta'at (kepada Tuhan). (17)

Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-gunung untuk bertasbih bersamanya di waktu petang dan ketika terbit matahari. (18)

dan (Kami tundukkan pula) burung-burung dalam keadaan terkumpul (untuk bertasbih memuji Kami bersama-sama dengannya). Masing-masingnya amat ta'at kepada Allah. (19). (Shaad:17-19).

Hafiz Ibnu Katsir di dalam tafsirnya berkata, “Sebabnya gunung-gunung dan burung-burung turut bertasbih bersama Nabi Daud ialah kerana kemerduan suaranya ketika membaca Kitab Zabur. Apabila Daud membacanya dengan berlagu, terhentilah burung-burung di udara dan gunung-gunung juga turut menyahut.” (Tafsir Ibnu Katsir j.5 m/s 352). Kemerduan suara Nabi Daud a.s. yang luar biasa itulah sebenarnya merupakan mu'jizat kurniaan Allah kepadanya yang mendorong gunung-gunung dan burung-burung turut bertasbih bersamanya.

(4) Muhammad Abu Zaid juga kerana begitu kagum dengan barat yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis telah menghalalkan riba dalam peratusan yang rendah. Riba yang haram baginya ialah riba yang peratusannya terlalu tinggi (الربا الفاحش) sehingga membebankan pengguna. Tidak pula beliau menentukan had peratusan yang

dikatakan tinggi atau rendah bagi sesuatu muamalah riba yang berlaku. Bagi beliau, ia dapat ditentukan oleh `uruf (realiti hidup) semasa dan setempat. Berdasarkan pendapatnya itu, riba di sesuatu tempat mungkin haram, sedangkan pada masa yang sama ia halal di tempat lain. Untuk itu ketika mentafsirkan firman Allah berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا الرِّبَاۤ اَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿١٣٠﴾

Bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya. (Aali `Imraan:130).

Muhammad Abu Zaid berpendapat, “Riba yang diharamkan oleh Allah melalui firmanNya ini ialah riba yang berlipat ganda atau yang terlalu tinggi peratusannya. Masing-masing bangsa dapat menentukan kadar ketinggian yang melampau itu menurut `urufnya.”

Jika diandaikan sesuatu bangsa atau kaum menganggap kadar riba yang melebihi 20% terlalu tinggi, sedangkan bangsa atau kaum yang lain pula menganggap kadar riba yang melebihi 15% sahaja pun sudah terlalu tinggi, maka ertinya kadar riba daripada 16% hingga 20% haram di sisi sesetengah umat Islam, sementara di sisi yang lain pula masih halal!!

Sebenarnya ayat ke-130 Surah Aali `Imraan itu tidaklah bermaksud melarang hanya riba yang berlipat ganda atau yang terlalu tinggi peratusannya sahaja. Allah s.w.t. tidak menyebut *أضعافا مضاعفة* (berlipat ganda) di dalam ayat itu sebagai qaid (syarat dan penentu) bagi larangannya, dengan erti kalau sedikit tidak mengapa, kalau berlipat ganda sahaja barulah dilarang dan diharamkan. Apa yang dimaksudkan di situ hanya menggambarkan kebiasaan amalan riba dalam masyarakat `Arab dan lain-lain pada ketika itu sahaja. Betapa teruk dan jeliknya riba dalam amalan mereka. Ayat itu sesungguhnya datang untuk menyatakan riba bagaimana pun keadaannya, sedikit atau pun banyak adalah suatu yang jelik. Lebih-lebih lagilah jeliknya apabila bunga yang dikenakan dari awal lagi sudah berlipat ganda. Kalau tidak begitu pun, memanglah tabi`at riba itu berlipat ganda dan semakin meningkat apabila hutang semakin lama tidak dibayar.

Begitulah ma'na dan tafsiran ayat berkenaan disebutkan oleh pengarang-pengarang tafsir yang mu'tabar di sepanjang zaman. Untuk rujukan sila lihat misalnya Tafsir as-Syaukani, Fathul Qadir j.1 m/s 380-381, Tafsir al-Qasimi j.2 m/s 227, Tafsir Sayyid Qutb, Fi Zilal al-Qur'an j.1 m/s 473, Tafsir Syeikh Mahmud Syaltut, Tafsir al-Qur'an al-Karim m/s 150-151. Dan lain-lain.

Pada hakikatnya, di dalam tafsir Muhammad Abu Zaid dan orang-orang sepertinya, hadits-hadits Rasulullah s.a.w. langsung tiada tempatnya. Beliau langsung tidak mempedulikan hadits Rasulullah s.a.w. yang mengharamkan riba, sama ada banyak atau sedikit. Itulah yang dapat anda lihat di dalam tafsirnya. Tidak pernah dia mengambil kira hadits-hadits Rasulullah s.a.w. ketika mentafsirkan mana-mana ayat al-Qur'an. Anda juga kiranya dapat merasakan betapa penyelewengan boleh berlaku apabila hadits-hadits Rasulullah s.a.w. diketepikan.

(b) Penyelewengan oleh golongan Ahlul Ahwaa' Wa al-Bida' (Ahli Bid'ah).

Ahli Bid'ah yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang yang pada dasarnya berpegang dengan ajaran dan fahaman Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah, mereka bahkan menda'wa lebih sunnah daripada orang-orang lain, namun mereka juga sebenarnya telah terpesong daripada landasan Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah kerana mempercayai beberapa bid'ah, mengamalkannya serta menganjurkan masyarakat supaya menghidupkannya secara terbuka.

Untuk menegakkan pegangan mereka, golongan ini tidak teragak-agak menta'wil ayat-ayat al-Qur'an secara sewenang-wenang supaya ia kelihatan membenarkannya. Mereka juga seringkali menyebarkan hadits-hadits palsu untuk tujuan yang sama. Golongan ini seperti golongan naturalis, rasionalis dan liberalis juga tidak mempunyai kitab tafsir yang lengkap dan sempurna dalam bahasa 'Arab. Apa yang ada hanyalah tafsiran terhadap beberapa ayat al-Qur'an yang ditulis di dalam buku-buku atau artikal-artikal tertentu di bawah tajuk dan topik yang pelbagai. Berikut dikemukakan beberapa sahaja daripada contoh-contohnya:

(1) Firman Allah di bawah nanti dijadikan dalil oleh golongan ini untuk membuktikan keharusan bahkan keelokan membina masjid di atas kubur, selain membina kubah dan juga binaan khusus yang kukuh di atasnya. Lihat firman Allah berkenaan:

وَكَذَلِكَ أَغْتَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيُظَاهَرُوا أَنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَأَنَّ السَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَا إِذْ يَتَنَزَّلُ عَنَّا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ فَأَقْبَرُوا فِيهَا
بُنَيْنًا رَّبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٥١﴾

Maksudnya: Dan demikianlah Kami dedahkan hal mereka kepada orang ramai supaya orang-orang itu mengetahui bahawa janji Allah menghidupkan semula orang mati adalah benar, dan bahawa hari kiamat itu tidak ada sebarang syak padanya; pendedahan itu berlaku semasa orang-orang itu berbantahan sesama sendiri mengenai perkara hidupnya semula orang mati. Setelah itu maka (sebahagian dari) mereka berkata: Dirikanlah sebuah bangunan di atas (gua) mereka, Allah jualah yang mengetahui akan hal ehwal mereka. Orang-orang yang berkuasa atas urusan mereka (pihak raja) pula berkata: Sebenarnya kami hendak membina sebuah masjid di atas mereka. (al-Kahf:21).

Kata mereka, “Orang-orang yang hendak membina masjid di atas kubur Ashabul Kahfi itu adalah orang-orang Nashara berdasarkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab tafsir. Ini bererti keharusan membina masjid di atas kubur itu termasuk salah satu ajaran syariat mereka. Dan menurut Usul Fiqh, syariat umat dahulu juga merupakan syariat untuk kita, apabila Allah menyebutnya tanpa membuat apa-apa teguran terhadapnya. Demikianlah halnya dengan membina masjid di atas kubur Ashabul Kahfi yang tersebut di dalam ayat ke-21 Surah al-Kahfi di atas. Allah tidak ada menegur langsung kehendak mereka itu, sama ada di dalam ayat itu atau di dalam ayat-ayat yang lain.”

Abul Faidh Ahmad bin as-Shiddiq al-Ghumari telah menulis satu risalah khusus tentang keharusan bahkan keelokan membina masjid dan kubah-kubah di atas kubur, khususnya kubur orang-orang saleh. Risalahnya itu bernama: إحياء المقبور من أدلة استحباب بناء المساجد والقباب على القبور. Di dalam risalah itu beliau telah berdalil dengan ayat ke-21 Surah al-Kahfi di atas tentang keharusan dan keelokan membina masjid dan kubah-kubah di atas kubur. Katanya: “Dalilnya daripada ayat ini ialah Allah tidak menolak dan menegur kata-kata mereka (hendak membina masjid di atas kubur Ashabul Kahfi), sebaliknya Dia telah memperakunya.” (Ihya’ al-Maqbur:51).

Para ‘ulama’ Sunni dari dahulu hingga sekarang telah mengkritik keras orang-orang yang berdalil dengan ayat ke-21 Surah al-Kahfi di atas tentang keharusan dan

keelokan membina masjid dan kubah-kubah di atas kubur. Bagi mereka orang-orang yang berpendapat begitu sebenarnya termasuk dalam golongan ahli bid'ah. Maulana Abul Kalam Azad dan Asy-Syeikh al-Albani adalah antara tokoh zaman mutakhir yang telah mengkritik pemahaman ahli bid'ah dalam masalah ini. Lihat kritikan Abul Kalam Azad di dalam "Tabarrukat Azad" oleh Maulana Ghulam Rasul Meher m/s 240-317. Dan lihat pula kritikan Al-Albani di dalam bukunya *تحذير الساجد من اتخاذ القبور مساجد* m/s 55-56. Agak lama sebelum mereka telah berlalu seorang tokoh tafsir terkenal, al-'Allamah Mahmud al-Aalusi (m.1270H). Beliau juga telah mengkritik ahli bid'ah yang berpendapat begitu. Kata beliau di dalam tafsirnya yang masyhur "Ruh al-Ma'ani": "Ayat ke-21 Surah al-Kahfi itu dijadikan dalil tentang keharusan membina masjid di atas kubur orang-orang saleh dan keharusan bersembahyang di dalamnya. Ini adalah pendapat yang karut dan kosong daripada kebenaran. Ia juga pendapat yang rosak dan meleset. Imam Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i dan Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbaas, kata beliau, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: لعن الله زائرات القبور والمتخذين عليها المساجد والسرج Bermaksud: "Allah mela'nat orang-orang perempuan yang berziarah ke kubur dan orang-orang yang membuat masjid di atas kubur dan juga orang-orang yang memasang lampu di atasnya." Di dalam riwayat Muslim terdapat tambahan begini: ألا وإن من كان قبلكم كانوا يتخذون قبور أنبيائهم مساجد فإني أنهاكم عن ذلك Bermaksud: "Ketahuilah! Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu telah menjadikan kubur-kubur para nabi mereka sebagai masjid. Sesungguhnya aku melarang kamu daripada perbuatan seperti itu." Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: لعن الله اليهود والنصارى اتخذوا قبور أنبيائهم مساجد Bermaksud: Allah mela'nat orang-orang Yahudi dan Nashara (kerana) mereka telah menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid." Setelah itu beliau berkata: "Kesimpulannya, tidaklah patut orang yang ada padanya sedikit pun pertunjuk berpegang dengan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang tersebut di dalam hadits-hadits yang sahih dan atsar-atsar yang terang, semata-mata kerana berpegang dengan ayat itu. Kerana perbuatan seperti itu terlaajaklah sesatnya dan terlalu menunjukkan kurangnya akal..." (Ruh al-Ma'ani j.15 m/s 238-239).

Hadits-hadits yang sama'na dengan hadits-hadits yang dikemukakan oleh al-Aalusi itu sangatlah banyak. Ia terbilang sebagai salah satu hadits yang mutawatir ma'nanya. Dengan adanya hadits-hadits sahih yang sampai ke peringkat mutawatir itu bolehkah

anda berkata lagi bahawa Allah memperakui keinginan orang-orang yang hendak membina masjid di atas kubur Ashabul Kahfi? Bolehkah anda berkata lagi setelah Nabi s.a.w. bersabda begitu bahawa Allah tidak menolak dan tidak menegur perbuatan mereka? Dengan adanya hadits-hadits mutawatir yang menyatakan la'nat dan kutukan Allah terhadap orang-orang dahulu yang membina masjid di atas kubur orang-orang saleh, bolehkan anda berkata lagi bahawa perbuatan itu merupakan syariat nabi-Nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w., dan ia juga merupakan syariat yang masih boleh dipakai oleh kita semua??

(2) Ayat yang akan dikemukakan nanti telah disalah guna dan disalah tafsir oleh ahli bid'ah di zaman sekarang untuk membenarkan "Perayaan maulid Nabi s.a.w." yang penuh dengan pelbagai ritual dan upacara seperti yang ada pada hari ini. Lihatlah ayat berkenaan di bawah ini:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Katakanlah: "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan." (Yunus:58).

Demikianlah terjemahan harfiah tafsir al-Qur'an departmen agama Indonesia. Muhammad bin Alawi al-Maliki pula di bawah tajuk "Merayakan Maulid Nabi s.a.w." menta'wil firman Allah itu begini, katanya: "Allah s.w.t. memerintahkan kita supaya bergembira dengan rahmatNya. Sedangkan Nabi s.a.w. adalah rahmat Allah yang paling besar. Allah berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Bermaksud: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (al-Anbiyaa':107).

Maksud beliau ialah berdalil dengan dua ayat tersebut untuk membuktikan betapa perayaan maulid itu disyari'atkan dalam Islam dan asasnyanya memang ada di dalam al-Qur'an. Padahal ta'wilan itu tidak lebih daripada mempopularkan suatu perkara yang tak pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan as-Salaf as-Saleh. Kalau begitu dapatlah orang-orang kemudian mengatakan Rasulullah s.a.w. dan as-Salaf as-Saleh

pun tidak mengamalkan sesetengah perintah Allah di dalam al-Qur'an? Tergamakkah anda berkata begitu?

Sebelum pergi lebih jauh, mari kita lihat satu lagi tafsir al-Qur'an yang masyhur dalam bahasa kita, "Pimpinan ar-Rahman". Ia merupakan sebuah tafsir (terjemahan) berdasarkan mafhum al-Qur'an. Terjemahannya bagi ayat ke-58 Surah Yunus adalah seperti berikut:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan (dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)." (Yunus:58).

Jelas sekali berdasarkan terjemahan ini bahawa apa yang dimaksudkan dengan limpah kurnia Allah dan rahmatNya atau kasih sayangNya itu ialah Kedatangan Al-Qur'an kepada manusia. Ia tiada kaitan langsung dengan bergembira kerana kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., apatah lagi dengan perayaan maulid nabi yang seharusnya dirayakan setiap tahun pada bulan dan hari tertentu!

Terjemahan Pimpinan ar-Rahman itu tepat sekali apabila dilihat kepada ayat ke-57 sebelumnya yang sememangnya berbicara tentang al-Qur'an. Lihat saja ayat berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhanmu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dadamu dan juga menjadi hidayat petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman. (Yunus:57).

Selain itu tidak ada seorang pun ahli tafsir mu'tabar di dalam kitab-kitab tafsir mereka mentafsirkan ayat itu dengan erti bergembira menyambut perayaan maulid Nabi s.a.w. 'Ulama'-'ulama' tafsir seperti Ibnu Jarir, Ibnu Katsir, Baghawi, Qurtubi, Ibnu al-'Arabi dan lain-lain, tidak ada seorang pun dari kalangan mereka mentafsirkan perkataan "rahmat" pada ayat itu dengan ma'na "Rasulullah", malah yang

dimaksudkan daripada kurniaan dan rahmat yang sepatutnya umat ini bergembira ialah seperti yang tersebut dalam ayat sebelumnya iaitu “al-Qur’an”. Ibnu Katsir mentafsirkannya dengan ma’na “petunjuk” dan “agama yang benar”. Qurtubi mentafsirkannya berdasarkan riwayat Abu Sa’id al-Khudri dan Ibnu Abbas dengan ma’na “al-Qur’an” dan “Islam”. Riwayat yang lain daripada mereka berdua pula memberikan ma’na “al-Qur’an” dan “menjadi ahli al-Qur’an”. Riwayat daripada al-Hasan dan ad-Dhahhak pula menyatakan ma’nanya ialah “Iman” dan “al-Qur’an”. Ibnul Qayyim mengatakan: “Kata-kata Salaf tentang ayat ini (iaitu kurniaan Allah dan rahmatNya) berkisar tentang Islam dan Sunnah”.

Rahmat Allah yang berkait dengan Islam dan al-Qur’an tidak berkait dengan kelahiran Rasulullah, tetapi berkait dengan perutusan dan kebangkitan Rasul kepada umat manusia. Oleh sebab itulah ayat daripada surah al-Anbiya’: 107 itu menyatakan bahawa Rasulullah adalah rahmat kerana perutusannya, bukan kerana kelahirannya.

Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Hurairah, katanya: “Wahai Rasulullah! Doalah keburukan terhadap orang-orang musyrikin”, Nabi s.a.w. menjawab: “Aku tidak diutuskan untuk melaknat dan menyeranah, aku hanya diutuskan sebagai rahmat”.

Demikianlah dua contoh tahrif ma’nawi (pemesongan ma’na) terhadap al-Qur’an yang dilakukan oleh ahli bid’ah di zaman mutakhir.